

NO. SOALAN: 506

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL  
[PERMATANG PAUH]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10443**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah tangkapan di bawah Akta SOSMA, POCA dan POTA mengikut kaum, agama, negeri/negara asal dan kategori kesalahan serta jumlah kes yang didakwa dan tidak didakwa sejak akta-akta itu diperkenalkan.**

**Jawapan:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Seramai 1,614 orang telah ditangkap di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 mulai 31 Julai 2012 merangkumi pelbagai kesalahan seperti penglibatan dalam sindiket penyeludupan manusia, pemalsuan dokumen, penglibatan dengan elemen kumpulan pengganas Daesh dan pencerobohan ke atas Negeri Sabah semasa insiden Lahad Datu.**

**Manakala sejak 1 April 2014, seramai 3,641 orang telah ditangkap di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 melibatkan pelbagai kesalahan yang tersenarai di bawah Jadual Pertama dan Jadual Kedua Akta berkenaan.**

**Sejak 1 September 2015, seramai 27 orang telah ditangkap di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015 kerana disyaki terlibat dengan elemen kumpulan pengganas Daesh.**

**PERTANYAAN NO: 507**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL  
[PERMATANG PAUH]**

**RUJUKAN : 10444**

**PERTANYAAN:**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan terkini dan jumlah banduan yang dibebaskan bagi tempoh 2012 – 2017 menurut kategori kesalahan jenayah serta jenis pembebasan menurut peruntukan Seksyen 45(1) Akta Penjara 1995.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 9 Oktober 2017 menunjukkan seramai 54,517 orang banduan sedang menjalani hukuman di penjara seluruh negara. Manakala jumlah pembebasan banduan dari tahun 2012 hingga 2016 adalah seramai 790,592 orang.**